

PTPTN tangguh kurang kadar caj

Peminjam gagal kemas kini data peribadi

Oleh Nurul Farina Nazlan
nfarina@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) menanggung pengurangan kadar caj satu peratus yang dijanjikan bermula bulan ini berikutan kebanyakan peminjam gagal mengemas kini data peribadi mereka terutama alamat terkini.

Pengerusinya, Datuk Dr Mohamed Shahrur Osman, berkata tanpa kerjasama peminjam, sistem baru yang akan memberi keuntungan kepada mereka tidak dapat dilaksanakan seperti dijangka kerana ia menyukarkan proses penghantaran notis pengurangan kadar pinjaman.

“Kita akan cuba menghantar notis secara berperingkat secepat mungkin tapi tarikhnya masih belum diputuskan kerana terpaksa menunggu data terkini da-

B-H 14/01/09 MS 13
ripada peminjam.

“Peminjam perlu memberi maklum balas kepada PTPTN dengan segera bagi memudahkan urusan penghantaran surat itu dilakukan, sekali gus memberi manfaat kepada mereka bagi menikmati pengurangan kadar caj pinjaman,” katanya kepada *Berita Harian*.

Bagaimanapun, Mohamad Shahrur berkata penghantaran surat terpaksa dibuat secara berperingkat kerana jumlah peminjam PTPTN yang layak menerima keistimewaan potongan caj per-

“Peminjam perlu memberi maklum balas segera bagi bolehkan pelarasan jumlah pinjaman dapat dilakukan”

**Mohamed Shahrur
Osman**

Pengerusi PTPTN

khidmatan daripada tiga peratus kepada satu melebihi sejuta orang.

“Selepas menerima surat tarangan itu, peminjam dikehendaki mengisi borang jawapan dengan mengisi butiran yang diperlukan sebelum menghantar semula kepada PTPTN dalam tempoh sebulan.

“Peminjam perlu memberi maklum balas segera bagi membolehkan pelarasan jumlah pinjaman dapat dilakukan. Hal ini penting kerana kita ingin mengelak sebarang kesulitan pada masa akan datang,” katanya.

Berita Harian sebelum ini melaporkan, peminjam yang gagal memberi maklum balas berdepan risiko terus dikenakan caj pinjaman pada kadar lama iaitu tiga peratus atau lima peratus.

Ketika ini PTPTN mengenakan caj tiga peratus bagi penuntut ijazah sarjana muda dan lima peratus untuk penuntut ijazah sarjana dan doktor falsafah.